

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 MAY 2016

DEKLARASI RAKYAT, NASIB AZMIN DAN DENDAM POLITIK

PEMIMPIN pembangkang paling panas sekarang selain Lim Guan Eng (DAP) yang disiasat atas kes integriti, tentunya Menteri Besar Selangor yang juga Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali.

PKR berdepan dengan krisis baharu berikutan keghairahan Azmin kepada apa yang dinamakan sebagai Deklarasi Rakyat.

Percaturan Azmin komited kepada deklarasi yang digerakkan oleh Dr. Mahathir Mohamad, telah mengundang kemarahan pemimpin *de facto* PKR, Anwar Ibrahim, umpama membangkitkan harimau luka.

Siapa sangka deklarasi tersebut bukan sahaja gagal mencapai matlamat menggulingkan Perdana Menteri, Najib Tun Razak di luar proses demokrasi malah mengundang musibah kepada PKR khususnya.

Kemelut terbaharu ini membuka pertelingkahan sesama pemimpin PKR. Paling ke hadapan membidas Azmin ialah Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli iaitu ayam tambatan Anwar. Beliau mengemukakan dakwaan yang serius membabitkan skandal wanita



MAHATHIR
jadi punca?

dan wang yang dipercayai ditujukan kepada pentadbiran negeri diterajui Azmin.

Awang tertanya-tanya apa nasib Azmin dan mampukah beliau bertahan lama sebagai Menteri Besar? Atas kertas penyelesaiannya agak rumit melainkan Azmin bersungguh-sungguh meminta maaf kepada Anwar dan Presiden PKR, Wan Azizah Wan Ismail. Manakan tidak, apa yang berlaku seolah-olah Azmin presiden parti dan bukannya Wan Azizah yang seharusnya dirujuk untuk sebarang keputusan dan pendirian parti terlebih dahulu.

Pada masa ini, Presiden PKR itu berdiam tetapi berbahang kuat di dalam hati, yang menanti masa ledakan. Apatah lagi ada kisah silam yang menghiris. Kini ramai pemimpin



AZMIN
makin panas.



ANWAR
tolak Mahathir.

PKR memihak kepada Anwar dan Wan Azizah. Azmin tiada pilihan.



WAN AZIZAH
dinafikan Azmin.



RAFIZI
dakwaan serius.

Dalam politik, kesetiaan adalah tunjang. Azmin sepatutnya menzahirkan keyakinannya kepada Anwar berbanding Dr. Mahathir yang selama ini disifatkan sebagai musuh utama PKR. Dengan apa yang berlaku ini, Menteri Besar Selangor itu juga dilihat kaduk naik junjung mahu mengambil alih kuasa PKR daripada keluarga Anwar, yang pasti tidak diizinkan.

Nampaknya, pada firasat Awang minta maaf sahaja tidak memadai. Sebaliknya Azmin perlu "bertaubat" tidak mengulangi pengkhianatan kecilnya ke atas Anwar. Bersediakah Azmin melakukan pusingan 360 darjah?



UM- 22/5/2016

Perseteruan lama dan luka dalam yang dirasakan oleh Anwar menyebabkan beliau belum bersedia untuk menjalin muafakat politik bersama Mahathir.

Ketika suasana tegang dalam PKR, Azmin mencetuskan kemarahan Pas pula dengan ugutan agar parti itu memberi laluan kepada PKR bertanding di Sungai Besar. Tindakannya itu bagai menjolok sarang tebuhan. Pas tidak akan berdiam. Dalam kalangan pemimpin DAP, ramai yang masih pro-Anwar dan Wan Azizah antaranya Ram Karpal Singh yang memberi peringatan terhadap agenda tersendiri Dr. Mahathir.

Awang melihat kenyataan Ram itu sebagai respons kepada kecenderungan Azmin mahu mengangkat Dr. Mahathir dalam gerakan pembangkang, yang sentimen akar umbi DAP menolaknya. Jika bermain catur, Azmin sudah kena *checkmate*. Strategi muafakat politik bersama Dr. Mahathir rupa-rupanya

menjadi senjata makan tuan. Kempen anti-Najib (ANC) bertukar menjadi anti Dr. Mahathir dan Azmin.

Tidak kurang menarik untuk direnungkan ialah isu Mahathir dan Anwar. Perkembangan terbaru ini memberi mesej yang jelas bahawa Anwar tidak menerima peranan Dr. Mahathir dalam gerakan pembangkang di negeri ini. Surat terbuka Anwar dari penjara membuktikan hakikat itu, di samping beberapa kenyataannya sebelum ini mempersoalkan hal yang sama. Tidak mungkin dendamnya terpadam dengan mudah.

Perseteruan lama dan luka dalam yang dirasakan oleh Anwar menyebabkan beliau belum bersedia untuk menjalin muafakat politik bersama Mahathir.

Perancangan yang diatur oleh pihak tertentu agar kedua-duanya kembali bertaut sebagaimana suatu ketika dahulu, tidak kesampaian. Awang nampak pintu sudah tertutup rapat. Maka model politik baharu yang cuba dijelmakan (menerusi adunan pembangkang dan beberapa tokoh anti-Najib) dalam landskap politik tanah air terkini belum mampu menjadi kenyataan. Apa lagi pertaruhan selepas ini?